

6) SKIM KHAS PEMBIAYAAN PEMBELIAN RUMAH KONSEP SEWA DAN MILIK

Adun : Y.B. Tuan Mohd Rafiq Bin Mohd Abdullah (Kuang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Sila senaraikan jumlah bilangan peneroka bandar yang telah menerima bantuan perumahan di bawah skim Khas Pembiayaan Pembelian Rumah konsep sewa dan milik mengikut kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Negeri Selangor sehingga kini 2025 di dalam DUN Kuang dan Parlimen Selayang.**

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini tiada pelaksanaan bantuan perumahan kepada peneroka bandar di bawah skim khas pembiayaan pembelian rumah konsep sewa dan milik dalam DUN Kuang dan Parlimen Selayang. Pada tahun 2016 Kerajaan Negeri telah melaksanakan skim sewa milik rumah, atau lebih dikenali dengan nama Skim DanaSel, melalui projek Perintis di Pangsapuri Rimba Jaya, Shah Alam bagi membantu penduduk di kawasan bandar, khususnya penduduk setinggan untuk memiliki Rumah Kos Rendah atau Rumah Selangorku (Jenis A). Walau bagaimanapun, skim ini gagal mencapai objektif yang telah ditetapkan di mana sebahagian besar penduduk setinggan tersebut tidak membuat bayaran ansuran sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Berdasarkan kepada keadaan tersebut, cadangan untuk melaksanakan Skim DanaSel ini tidak dapat dilaksanakan.

Namun demikian Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 7/2022 yang diadakan pada 9 Mac 2022 yang telah disahkan oleh MMKN Ke 8/2022 pada 30 Mac 2022 dan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor Bil. 3/2024 pada 29 November 2024 telah bersetuju untuk pelaksanaan di bawah Skim Selangorku To Ownership (S2-OWN) khususnya bagi penyelesaian penempatan setinggan PJS 1, Petaling Jaya ke Rumah Selangorku (Jenis A) Rima Riang Petaling Jaya. Melalui skim ini setinggan terlibat akan mendapat pemilikan unit rumah selepas tempoh penyewaan tertakluk kepada penyelesaian bayaran baki unit rumah dan syarat-syarat yang akan ditentukan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Oleh itu, Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor menganggarkan sebanyak 109 orang setinggan yang akan terlibat di bawah skim Selangorku To Ownership ini.